

han ekonomi sebanyak 5.9 peratus, iaitu antara yang tertinggi di dunia.

Beliau seterusnya berkata, agensi penarafan antarabangsa, Moody's, Standard & Poor, Fitch Ratings juga mengekalkan penarafan kredit Malaysia dengan unjuran stabil pada skor A pada 2017.

Menurutnya, berdasarkan Indeks Daya Saing Global (GCI) 2017-2018 pula, menyenaraikan Malaysia sebagai negara ke-23 paling berdaya

Perdana Menteri berkata, Awam Ke-16 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Perdana Menteri berkata, terkini, pada 28 Mac lalu, Syarikat Aramco milik Kerajaan Arab Saudi menyuntik dana pelaburan ke negara ini sebanyak AS\$7 billion iaitu hampir RM30 billion yang dijangka akan merencanakan pertumbuhan ekonomi dan peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini.

"Atas semua kejayaan

utara Semenanjung, sangup mempergunakan institusi pendidikan untuk tujuan politik dan 'terkinja-kinja' menyanyi lagu anti GST di hadapan kanak-kanak bagi menyemai kebencian terhadap Kerajaan Persekutuan.

"Biarlah dia dengan 'perangai' macam tu', tetapi kita di pihak kerajaan, akan terus berusaha memperkasa dan memartabatkan institusi pendidikan di negara ini dan juga kepada golongan pendidiknya," katanya.

Malaysia hab revolusi digital

Putrajaya: Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) dan Ekonomi Digital; Kecekapan Digital Kerajaan, Kesediaan dan Keupayaan (DGCCR) serta Melakar Aspirasi Transformasi Nasional 2050 atau TN50 antara tiga cabaran utama yang sedang dan bakal dihadapi penjawat awam pada masa kini dan akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak berkata, bagi mendepani Industri 4.0 dan ekonomi digital, kerajaan sudah berusaha menjayakan Dasar Digital Malaysia, malah pelancaran Perdagangan Bebas Di-

gital (DFTZ) dilihat bakal menjadikan Malaysia sebagai hab ekonomi digital pertama di dunia di luar China.

Menurutnya, inisiatif berkenaan dijangka mewujudkan lebih 60,000 peluang pekerjaan berpendapatan tinggi baru khususnya kepada generasi muda.

"Dalam konteks ini, penjawat awam perlu menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi digital melalui pelaksanaan kerajaan digital sepenuhnya bagi meningkatkan sistem pe-

nyampaian perkhidmatan kepada komuniti bisnes dan masyarakat.

"Malah, penjawat awam juga seharusnya meningkatkan kompetensi dan keupayaan masing-masing supaya agensi kerajaan boleh bertindak sebagai fasilitator perkhidmatan dalam menambah baik keterhubungan," katanya.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, beliau dimaklumkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kini sedang mempelopori inisiatif DGCCR bagi menyediakan penjawat awam selaras pelaksanaan kerajaan digital.

KU
H
Se
Re
Pc
3.1
Be

Ke
M